



Headline **Pencinta FLORA**
Date **08 Jun 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S15,S17**
Article Size **1504 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,272**
PRValue **24,816**



Seekor lipas kecil sudah mampu menimbulkan histeria kepada wanita, inikan pula sekawanan pacat lintah yang menghitam sedang menanti mangsa di tepi paya. Namun bagi Siti Munirah Mat Yunoh, usahkan makhluk penghisap darah itu, terserempak najis gajah yang masih baru atau tapak kaki harimau sudah menjadi perkara biasa sejak dia memulakan kerjaya di FRIM. Bertugas sebagai pegawai penyelidik di situ, memerlukan Munirah meredah belantara bagi mencari maklumat tentang flora yang mendiami hutan Malaysia.

Headline **Pencinta FLORA**
 Date **08 Jun 2010**
 MediaTitle **Sinar Harian**
 Section **Selangor & KL**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
 Page No **S15,S17**
 Article Size **1504 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **8,272**
 PRValue **24,816**



OLEH AIDA AZURA AZEMI

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Pencinta FLORA
08 Jun 2010
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
S15,S17
1504 cm²
Full Color
8,272
24,816

SEKALI pandang, tiada sesiapa mampu menduga gadis kecil molek dengan perwatakan agak pemalu ini sudah memasuki pelbagai hutan banat. Hanya setelah berbual lebih lama dengannya, tiada keraguan lagi dia bukan calang-calang orang untuk dibawa berbual soal hutan dan survival.

Siti Munirah Mat Yunoh, 27, merupakan pencinta alam yang kini sudah tiga tahun menabur khidmat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Sebagai pegawai penyelidik, anak kelahiran Cik Siti Wan Kembang yang mesra disapa Sitim ini diberi tanggungjawab mencari spesies flora yang istimewa dan baru untuk direkodkan.

Jika sesetengah orang memasuki hutan untuk melakukan aktiviti seperti memancing, mengambil rotan, akar kayu dan pelbagai sumber alam lain, Sitim dan kumpulan penyelidik hutan yang lain mempunyai misi berbeza. Apa yang dicari mereka ialah khazanah alam terutama flora yang dianggap cukup berharga.

"Jika mahu ditanya hutan mana yang sudah diredah, cukuplah saya katakan dari hutan tepi pantai sampailah puncak gunung sudah saya jelajah. Sama ada perlu mengharung paya, sungai deras atau mendaki gunung semuanya menjanjikan cabaran tersendiri," ujar Sitim yang lebih gelikan katak ataupun ular berbanding pacat dan lintah.

Tambah pemilik Ijazah Biologi Botani daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini, meskipun sering dimomokkan kononnya hutan mempunyai pelbagai misteri dan mistik, setakat ini dia bersyukur kerana tidak pernah mengalami kejadian yang bukan-bukan.

Meskipun begitu, atas nasihat ibu bapanya Sitim mengakui dia mengamalkan bacaan tertentu sebagai pendinding diri selain memastikan jati dirinya sentiasa kuat apatah lagi pada waktu-waktu tertentu hanya dia sahaja wakil hawa yang ada.

"Sebagai wanita, cabaran mungkin dirasai apabila masuk hutan ketika sedang 'datang bulan' dan sukar untuk mendapatkan sumber air. Tetapi perasaan itu tidak terlalu mengganggu dan hilang

dengan sendirinya apabila perhatian ditumpukan kepada kerja," kata Sitim yang sangat menyukai kerjayanya kini.

"Sebenarnya kita agak rugi kerana walaupun khazanah hutan kita sangat kaya, tiada dokumentasi paling mutakhir berkenaan spesies penghuni hutan kita.

"Kebanyakan yang ada sekarang pun dipelopori oleh pengkaji Barat yang memasuki hutan kita sejak 1920-an. Mereka mengambil sampel tumbuhan kita kemudian memberikannya nama dan sesetengahnya ditempatkan di Royal Botanic Garden, Kew, London," bicara Sitim.

Menjejak Raflesia

Pengalaman paling menarik bagi Sitim ketika memasuki hutan, ialah terjumpa najis gajah yang masih baru atau kesan tapak kaki sang belang. Namun paling tidak dapat dilupakan ialah keindahan Raflesia di Hutan Belum, Perak.

"Walaupun Orang Asli percaya Raflesia punyai banyak khasiat termasuk berguna untuk mengubat wanita selepas bersalin, kajian membuktikan sebaliknya. Bunga ini mampu mendatangkan mudarat kepada manusia," kata Sitim yang turut mengagumi kecantikan bunga dari keluarga Gesneriaceae yang biasanya ditemui hidup berkelompok di hutan.

Berdasarkan pengalaman dan pengetahuannya, Sitim menyifatkan Malaysia antara negara paling bertuah dan kaya dengan khazanah kerana hutan khatulistiwa menyimpan pelbagai flora yang sesetengahnya mencapai ratusan tahun. Sedangkan di sesetengah negara terutama yang beriklim empat musim, hutannya lebih jarang dan berganti tumbuh-tumbuhan pada setiap musim. Keistimewaan hutan ini bagaimanapun terletak pada keindahan warna hutannya yang lebih pelbagai.

Tidak hairanlah, minat Sitim pada flora mula bertunas apabila dia melihat tumbuh-tumbuhan bercambah dan bertukar warna ketika mengunjungi Korea di penghujung musim sejuk dan permulaan musim bunga satu ketika dahulu. Sejak saat itu hingga kini, perasaan Sitim pada flora tidak mampu digambar dengan kata-kata.